

DI MANAKAH AMALAN KITA SELEPAS RAMADHAN

Tika tibanya Syawal, umat Islam akan meraikan sebuah hari yang mereka nantikan sepanjang waktu iaitu Aidilfitri. Maka, bermulanya hari yang berbahagia ini, seluruh umat Islam akan menyambut dengan penuh girang walau apa jua situasi yang dihadapi samada sukar mahupun senang, Pun begitu, Syawal bukanlah sebuah bulan untuk menzahirkan kegembiraan semata-mata tetapi Syawal merupakan bulan yang terbaik untuk mengaplikasikan kejayaan yang diperoleh ketika berada dalam madrasah Ramadhan.

Segala amal ibadah yang dilaksanakan oleh umat Islam sepanjang bulan Ramadhan wajar diberi pujian kerana mereka menjayakan segala ibadah itu dengan penuh kesungguhan dan pengharapan semata mengejar rahmat dan pengampunan Allah SWT. Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Nabi SAW bersabda :

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ لِيَأْتِنَا وَاحْسَابًا ، عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنِبِهِ

“Barangsiapa yang mendirikan Ramadhan dengan penuh keimanan dan penuh pengharapan, akan diampunkan baginya segala dosanya yang telah lalu”.
(Riwayat al- Bukhari)

Maka, kehangatan ibadah dalam bulan Ramadhan yang lalu janganlah dihentikan begitu sahaja, bahkan ia perlu diteruskan setiap masa dan ketika bagi meneruskan legasi Ramadhan. Bagi meneruskan kesinambungan puasa dalam bulan Ramadhan, umat Islam sangat dianjurkan untuk melakukan ibadah puasa selama 6 hari dalam bulan Syawal. Nabi S.A.W bersabda :

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبْعَثُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيمَ الدَّهْرِ

“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian meneruskan dengan enam hari di bulan Syawal sepertinya dia berpuasa selama setahun.”

(Riwayat Imam Muslim)

Dengan berpuasa enam, menjadikan kesemua puasa Ramadhan dan juga enam hari pada bulan Syawal menyamai puasa selama setahun. Ganjaran berpuasa setahun adalah ganjaran yang luar biasa, yang wajar direbut oleh setiap orang Islam bagi menggapai setiap fadhilat yang ada didalamnya.

Ibadah yang sering menjadi pilihan umat Islam ketika bulan Ramadhan antaranya ialah bersedekah, bertadarus al-Quran, berzikir dan melakukan solat-solat sunat. Tidak hairan mengapa ibadah sebegini begitu sibuk dilakukan oleh umat Islam sepanjang

Ramadhan, kerana begitu banyak dalil yang membuktikan bahawa amalan-amalan tersebut akan mendapat ganjaran yang luar biasa ketika bulan Ramadhan.

Jika dilihat kepada amalan bersedekah dalam bulan Ramadhan, semua surau dan masjid mahupun institusi berkaitan akan sarat dengan lambakan tajaan juadah berbuka puasa mahupun santapan sahur. Tidak cukup setakat itu, golongan anak yatim dan faqir miskin pula menjadi sasaran golongan penginfaq ini untuk memberikan kelengkapan sepanjang Ramadhan dan sebagai persediaan untuk sambutan Aidilfitri. Amat menghairankan selepas Ramadhan, golongan tersebut tidak disantuni sebagaimana santunan mereka semasa Ramadhan. Sedangkan mereka juga memerlukan perhatian dan bantuan setiap masa tanpa mengira waktu dan keadaan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid: 18:

إِنَّ الْمُصَدِّقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَعَّفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَيْفُ

*“Sesungguhnya lelaki yang bersedekah dan perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (*ikhlas*), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.”*

Selain itu, amalan membaca al-Quran dan zikir juga kerap dijayakan dalam bulan Ramadhan sehingga ada sebahagiannya melakukan amalan tadarus setiap malam untuk merebut ganjaran yang terdapat dalam Ramadhan. Perlu diakui amalan ini amat terpuji kerana menghidupkan Ramadhan dengan mengangkat kesucian al-Quran. Akan tetapi, amalan yang baik ini terhenti ketika mana Ramadhan berlalu pergi. Amat mendukacitakan apabila al Quran itu hanya dijadikan adat membaca ketika Ramadhan sahaja. Bahkan al Quran itu sewajarnya didekati hampir setiap masa disamping menghayati isi kandungannya agar ia terus menjadi panduan dan pedoman buat orang Islam. Daripada Abu Umamah RA, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

أَقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يُأْتِي بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ شَفَاعَةً لِأَصْحَابِهِ

“Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya”.

(Riwayat Muslim)

Dalam pada itu, solat sunat juga turut tidak ketinggalan sebagai amalan popular dalam Ramadhan. Setiap malam umat Islam mengerjakan solat sunat tarawih tanpa meninggalkannya serta diiringi dengan beberapa solat sunat yang lain semata-mata mengambil keberkatan Ramadhan. Tidak cukup sekadar itu juga, mereka sanggup bersengkang mata dengan mendirikan Ramadhan melakukan amalan Qiamullail bagi

menambah koleksi amalan sunat mereka dalam bulan Ramadhan. Amatlah janggal apabila amalan yang sering dilazimi ketika Ramadhan ini tidak diteruskan lagi selepas Ramadhan berakhir. Maka janganlah hentikan amalan yang cukup banyak fadhilat ini kerana barangsiapa yang senantiasa melakukan amalan Qiam ini pasti beroleh segala kebaikan dan keredhaan dari Allah SWT

Justeru, agama Islam menuntut ummatnya untuk sentiasa beristiqamah dalam melakukan amal kebajikan. Apa yang diamalkan dan dikerjakan pada bulan Ramadhan, semua itu hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat supaya kita terus berusaha meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Janganlah hendaknya amalan-amalan itu dilakukan secara berkala dan bermusim tetapi ianya hendaklah dilakukan secara istiqamah atau konsisten serta berterusan. Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 112:

فَاسْتَقِمْ كَمَا أَمْرَتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغُو إِنَّهُ وِيَمَانَ عَمَلُونَ بَصِيرٌ

“Maka hendaklah engkau (Muhammad) sentiasa beristiqamah tetap teguh di atas jalan yang benar sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”

Disediakan oleh,

Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak

12 Syawal 1442H / 24 Mei 2021M